



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HUP

OPS PANTAU RAMADAN & AIDILFITRI 2025

1. Daging lembu import (berkasulung, ekor & di bawah ekor)	1kg	19.00	21.00
2. Daging lembu import (berkasulung)	1kg	33.00	37.00
3. Daging lembu tempatan (Rucali Daging Bering Pindah) (berkasulung sahaja)	1kg	36.00	39.00
4. Ikan ikan (2 Tongkol) (2 ekor sekilogram) (Kajang, Seremban & Kalaman Sahaja)	1kg	12.00	14.00
5. Ikan Demutok (Sage / Demin / Cusak) (3-5 ekor sekilogram) (kalah-ahap)	1kg	14.00	16.00
6. Ikan Kembung termasuk Ikan Mabung (8-12 ekor sekilogram)	1kg	13.00	15.00
7. Ikan Selasyang (8-12 ekor sekilogram)	1kg	10.00	12.00
8. Kudu Bujur import (Indonesia dan China tidak termasuk Kudu Bujur)	1kg	2.50	3.50
9. Dadi Hias	1kg	4.00	5.00
10. Timun	1kg	2.50	3.50
11. Tomato	1kg	5.50	6.50
12. Cili Merah	1kg	14.00	16.00
13. Kacang Panjang	1kg	7.00	8.00
14. Labak Merah	1kg	3.50	4.50
15. Bawang Kuning Besar	1kg	3.50	4.50
16. Bawang Merah Besar import	1kg	4.00	5.00
17. Bawang Merah kecil India	1kg	5.00	6.00
18. Bawang Merah kecil India (Res)	1kg	8.00	9.00
19. Bawang Putih (China)	1kg	9.50	11.00
20. Ulu Kentang import (China)	1kg	2.50	3.50
21. Halia Taw Import	1kg	8.50	10.00
22. Kacang Tanah	1kg	7.00	8.00
23. Gili Kering Kelenteng	1kg	17.00	19.00
24. Kelapa Biji (Borong)	1kg	3.50	-
25. Kelapa Parut (Rundit)	1kg	-	13.20
26. Santan (Rundit)	1kg	-	17.50



KANDUNGAN

MAC— APRIL 2025



- 6** PELANCARAN BAZAR RAMADAN RAHMAH **PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025**
- 8** PROGRAM SERVIS IHSAN MADANI @PETRONAS AUTOEXPERT (SIM@PAX) SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
- 12** MAJLIS PENYAMPAIAN **LESEN JUALAN LANGSUNG**
- 14** **HARI BERSAMA NGO KEPENGGUNAAN** SEMPENA HARI HAK-HAK PENGGUNA SEDUNIA 2025
- 16** **MAJLIS ADVOKASI ROYALTI MUZIK** PENGGIAT SENI TANAH AIR
- 17** **MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN BICARA SANTAI** SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN
- 18** PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN **HARI RAYA PUASA 2025**
- 22** **LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI** DI SABAH
- 23** **MAJLIS BERBUKA PUASA MADANI** PERINGKAT NEGERI SABAH
- 24** **PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM)** TUARAN, SABAH
- 25** **YB MENTERI SANTUNI PENIAGA DAN MASYARAKAT SETEMPAT** DI BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) KINARUT



BULETIN KPDN

KANDUNGAN

MAC-APRIL 2025



26 HARI PERTAMA PELAKSANAAN
SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM
PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2025

27 MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KPDN DAN **PROGRAM IHYA'**
RAMADAN 1446H / 2025

28 PENYERAHAN SUMBANGAN DANA
KORPORAT **MANGSA BANJIR DI**
JOHOR



29 MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
SEMINAR **"FOCUS ON WOMEN"**

30 SAMBUTAN **HARI PENGUAT KUASA**
KPDN KE-53

31 PROGRAM ADVOKASI
KEPENGUNAAN & **HARI TERBUKA**
KPDN 2025

32 MAJLIS **SAMBUTAN HARI RAYA**
KPDN 2025

33 MAJLIS PERASMIAN **HARI INTELEK**
NEGARA 2025 & MAJLIS
SAMBUTAN AIDILFITRI MyIPO

34 **KAMI BERTINDAK!**

36 SOROTAN **LENSA KPDN**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN, KAPAM, NISBRI
DAN KES SARA H DU



Selamat Menyambut **HARI**
PENGUAT KUASA
KPDN 17 APRIL 2025

YANG KE

53 Tahun

KOMITED MENDEPANI CABARAN

PROFESIONAL
TEGAS BERINTEGRITI

Ikhlas Dapud

Pengurusan Tertinggi &
Seluruh Warga Kerja KPON



f t i y o k p d n

www.kpdn.gov.my



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

OPS PANTAU 2025 SEMPENA RAMADAN & AIDILFITRI

“

OPS PANTAU 2025 dilaksanakan secara seragam di seluruh negara dengan fokus di Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar, pasar raya, dan kedai runcit. Pemeriksaan memberi tumpuan kepada bekalan dan harga barang, jualan murah, alat timbangan, barang tiruan/cetak rompak, status halal, serta barangan keperluan Aidilfitri.

”



YB Datuk Armizan Mohd Ali

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



www.kpdn.gov.my



PELANCARAN BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

YB Senator Dr. Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang bagi menyempurnakan pelancaran Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 pada 4 Mac 2025 bertempat di Bazar Ramadan RAHMAH Kipmall, Kota Warisan, Sepang.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) telah memperkenalkan inisiatif Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) sejak tahun 2023 sebagai langkah proaktif menyediakan pilihan hidangan berbuka puasa pada harga lebih berpatutan, dengan tumpuan khas kepada Menu RAHMAH yang dijual pada harga tidak melebihi RM5.

Selain itu, BRR turut mengadaptasikan penggunaan pembayaran tanpa tunai dalam setiap transaksi bagi meningkatkan kemudahan dan keselamatan urus niaga. Inisiatif ini juga menekankan usaha mengurangkan pembaziran dengan menyelamatkan lebihan makanan, selaras dengan prinsip kelestarian dan kesejahteraan sosial.

YB Timbalan Menteri turut berkesempatan melakukan sesi *walkabout* ke gerai-gerai jualan dan beramah mesra bersama para peniaga bazar Ramadan serta meluangkan masa berkunjung ke kaunter MySaveFood, Reruai ReDI dan Rakan Strategik.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KPDN LANCAR 95 BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) 2025 SELURUH NEGARA

“Apa yang istimewanya BRR,
pengunjung dapat membeli
Menu RAHMAH pada harga
RM5.00 dan melakukan
transaksi digital”

Bazar Ramadan
RAHMAH
MADANI

Rahmah itu Berkat

YB SENATOR DR. HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



f x d @ KPDN

www.kpdn.gov.my



Satu lagi Inisiatif Baharu di bawah Payung RAHMAH MADANI iaitu Program Servis Ihsan MADANI@ PETRONAS AutoExpert (SIM@PAX) di mana program dengan kerjasama strategik bersama PETRONAS ini menawarkan pakej penyelenggaraan kenderaan dengan minyak pelincir mineral, semi sintetik dan mineral pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa di 96 buah bengkel PETRONAS AutoExpert seluruh negara.

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengumumkan Program Servis Ihsan MADANI@ PETRONAS AutoExpert (SIM@PAX) sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang telah berlangsung selama 15 hari bermula 15 hingga 29 Mac 2025 bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam menghadapi persiapan hari raya.

YB Menteri turut menyampaikan sumbangan berupa Gas PETRONAS kepada hampir 100 peniaga Bazar Ramadan pada 8 Mac 2025 bertempat di Tapak Tamu Mingguan, Papar, Sabah.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut bekerjasama dalam Program Ikhlas Ramadan bersama Gas PETRONAS untuk membantu komuniti yang memerlukan.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SERVIS IHSAN

MADANI

PETRONAS
@ *AutoExpert*

Kerjasama strategik antara **KPDN** dan **PETRONAS DAGANGAN BERHAD** yang dilancarkan pada 20 Januari 2025

Penawaran **PAKEJ PENYELENGGARAAN KENDERAAN** dan **PENGURANGAN HARGA MINYAK PELINCIR** jenis mineral serta semi sintetik di bengkel PETRONAS AutoExpert pada **harga diskaun 10% hingga 30%** lebih rendah berbanding harga pasaran

Dilaksanakan pada setiap menjelang musim perayaan utama di Malaysia:

- Tahun Baru Cina
- Hari Raya Aidilfitri
- Hari Raya Aidiladha
- Pesta Kaamatan
- Hari Gawai
- Hari Deepavali
- Hari Krismas
- Hari Kebangsaan



Muat turun
aplikasi Setel



Semak lokasi
PETRONAS
AutoExpert





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SERVIS IHSAN

MADANI

PETRONAS
@ *AutoExpert*

SIAPA YANG LAYAK?

- Warganegara Malaysia
- Pengguna Aplikasi SETEL

MANFAAT SIM@PAX

Meringankan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah melalui pengurangan kos penyelenggaraan kenderaan.



Muat turun
aplikasi Setel



Semak lokasi
PETRONAS
AutoExpert





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SERVIS IHSAN

MADANI


PETRONAS
@ AutoExpert

TATACARA PERMOHONAN




LANGKAH 1

MUAT TURUN APLIKASI SETEL DAN PILIH CAR SERVICE.




LANGKAH 2

PILIH BENDEK DAN 'BOOK AN APPOINTMENT' UNTUK MEMBUAT TEMPAHAN TEMU JALAN.



LANGKAH 3

PILIH PAKAJI SERVIS, ISI BORANG DAN TEKAN BUTANG 'SUBMIT'.



LANGKAH 4

TEMPAHAN DITERIMA! ANDA AKAN DIHUBUNGI DALAM MASA 1-2 HARI BERIKUTNYA UNTUK PENGESAHAN TEMPAHAN.



Muat turun
aplikasi Setel



Semak lokasi
PETRONAS
AutoExpert





MAJLIS PENYAMPAIAN LESEN JUALAN LANGSUNG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan kos Sara Hidup telah menganjurkan Majlis Penyampaian Lesen Jualan Langsung pada 10 Mac 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN.

YB Senator Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menyempurnakan majlis Penyampaian Lesen Jualan Langsung kepada 45 syarikat jualan langsung meliputi 18 buah syarikat baharu dan juga 27 syarikat yang memperbaharui lesen.

KPDN berperanan dan bertanggungjawab mengawal selia industri jualan langsung melalui Akta Jualan Langsung dan Skim Anti- Piramid 1993 [Akta 500].






KEKEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

INISIATIF KPDN
KEPENGUNAAN

TIP BERBELANJA MUSIM PERAYAAN

- ✓ Senaraikan jenis barang keperluan perayaan 
- ✓ Utamakan keperluan berbanding kehendak
- ✓ Peka dengan harga dan tempoh kuat kuasa harga kawalan perayaan
- ✓ Banding harga untuk pembelian jimat melalui aplikasi Price Catcher  PriceCatcher
- ✓ Beli awal untuk elak masalah bekalan
- ✓ Ikut kemampuan & elak bersaing
- ✓ Tidak mudah terpengaruh dengan iklan
- ✓ Gunakan aplikasi atau kupon untuk mendapatkan penjimatan atau 'cashback' 

UTAMAKAN KEPERLUAN, ELAKKAN PEMBAZIRAN





HARI BERSAMA NGO KEPENGGUNAAN SEMPERNA HARI HAK-HAK PENGGUNA SEDUNIA 2025

Bersempena Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia atau Hari Pengguna Kebangsaan yang telah disambut pada 15 Mac 2025 yang lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menganjurkan Hari Bersama NGO Kepenggunaan pada 14 Mac 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPND.

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menyempurnakan perasmian Hari Bersama NGO Kepenggunaan anjuran Bahagian Gerakan Kepenggunaan, KPND.



"**SEMARAK KONSUMERISME**" telah diangkat sebagai tema Hari Pengguna Kebangsaan 2025 dan menghimpunkan pelbagai persatuan pengguna yang bergerak aktif di lapangan dalam menyebarkan maklumat kepenggunaan dan saluran aduan yang tepat seterusnya menjadi perantara antara masyarakat dan Kementerian dalam usaha meningkatkan pendayaupayaan pengguna.

Sesi tandatangan Akujanji KITA GEMPUR bersama NGO Kepenggunaan turut diadakan sebagai gerakan bersama dalam membanteras aktiviti kartel & manipulasi peniaga tidak beretika serta menangani penyelewengan & ketirisan barang kawalan dan bersubsidi.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Selamat Menyambut HARI HAK-HAK PENGGUNA SEDUNIA

15
MAC
2025

Semarak Konsumerisme

"A Just Transition to Sustainable Lifestyles"


Ikhlas Daripada

Pengurusan Tertinggi &
Seluruh Warga Kerja KPDN



KPDN

www.kpdn.gov.my





MAJLIS ADVOKASI ROYALTI MUZIK PENGGIAT SENI TANAH AIR



Majlis Advokasi Royalti Muzik anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah dianjurkan pada 17 Mac 2025 bertempat di Hilton Hotel, Kuala Lumpur. Majlis ini bertujuan sebagai platform advokasi untuk membantu penggiat muzik memahami kepentingan perlindungan hak cipta, termasuk pengurusan hak keempunyaan (ownership), pengurusan hasil pendapatan royalti, pemilikan karya dan kontrak pelesenan yang adil.



Sebagai tanda penghargaan terhadap kreativiti dan inovasi generasi muda dalam industri muzik, YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menyampaikan sumbangan bagi kategori Daya Cipta Muda kepada 35 artis jemputan.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN BICARA SANTAI SEMPENA SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



Majlis Khatam Al-Quran dan Bicara Santai Nuzul Al-Quran Peringkat KPDN Tahun 2025 sempena Program Penghayatan Nilai-nilai Islam Siri 2 telah dilaksanakan pada 19 Mac 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, KPDN.

Aktiviti bertadarus dan khatam Al-Quran merupakan aktiviti yang telah disahut baik oleh warga kerja KPDN sepanjang bulan Ramadan. Pada tahun ini, seramai 136 penyertaan telah diterima serta berjaya menyelesaikan bacaan sebanyak 2 hingga 5 juzuk seperti yang diperuntukkan kepada setiap kumpulan.

Program Bicara Santai Nuzul Al-Quran telah disampaikan oleh Ustaz Ahmad Tarmizi Abdul Rahman dan Ustaz Mohd Fakhru Radhi UNIC selaku penceramah undangan dan mendapat sambutan kehadiran yang menggalakkan oleh warga kerja KPDN.



PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2025

Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2025 dan telah berkuat kuasa pada 24 Mac hingga 7 April 2025 yang lalu.

Pelaksanaan Skim Harga Musim Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa Tahun 2025 ini telah diumumkan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara hidup pada 19 Mac 2025 bertempat di Putrajaya.

Tempoh pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2025 berkuatkuasa selama 15 hari melibatkan 26 jenis barangan yang telah diwartakan dengan penambahan empat (4) jenis barangan berbanding SHMMP Hari Raya Puasa Tahun 2024.

Skim harga ini dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit.

Tindakan tegas turut diambil terhadap mana-mana peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini melalui AKHAP 2011 dan boleh dikenakan penalti.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN *Hari Raya Puasa 2025*

BERKUAT KUASA 24 MAC HINGGA 7 APRIL 2025

DAGING



Daging Kerbau Import
(Semenanjung, Sabah & WP Labuan sahaja)



Daging Lembu Import
(Sarawak sahaja)



Daging Lembu Tempatan
(Kecuali Daging Batang Pinang)
(Semenanjung sahaja)

HASIL LAUT



Ikan Aya @ Tongkol
(Pahang, Terengganu & Kelantan sahaja)



Ikan Demudok / Sagai / Cermin / Cupak
(Sabah sahaja)



Ikan Kembung termasuk Ikan Mabung



Ikan Selayang

SAYUR-SAYURAN



Kubis Bulat Import
(Indonesia & China tidak termasuk Kubis Beijing)



Sawi Hijau



Timun



Tomato



Cili Merah



Kacang Panjang



Lobak Merah

BARANGAN KERING



Bawang Kuning Besar



Bawang Merah Besar Import



Bawang Merah Kecil India



Bawang Merah Kecil India
(Ros)



Bawang Putih
(China)



Ubi Kentang Import
(China)



Halia Tua Import



Kacang Tanah



Cili Kering Kerinting



Kelapa Biji
(Borong)



Kelapa Parut
(Runcit)



Santan
(Runcit)



Jika ada aduan,
sila laporkan ke KPDN



Imbas senarai penuh SHMMP
Hari Raya Puasa 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN *Hari Raya Puasa 2025*

TINDAKAN JIKA PENIAGA GAGAL PATUHI SHMMP HARI RAYA PUASA 2025

➤ MENJUAL MELEBIHI HARGA MAKSIMUM

Individu

Denda Maksimum: **RM 100,000** atau Penjara tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali
Kampaun Maksimum: **RM 50,000**

Syarikat

Denda Maksimum: **RM 500,000** | Kampaun Maksimum: **RM 250,000**

➤ GAGAL MELETAKKAN **TANDA HARGA MERAH JAMBU**

Individu

Denda Maksimum: **RM 10,000** | Kampaun Maksimum: **RM 5,000**

Syarikat

Denda Maksimum: **RM 20,000** | Kampaun Maksimum: **RM 10,000**



Jika ada aduan,
sila laporkan ke KPDN



Imbas senarai penuh SHMMP
Hari Raya Puasa 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN *Hari Raya Puasa 2025*

KEWAJIPAN PENIAGA TERHADAP BARANGAN HARGA TERKAWAL

- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan
- Meletakkan tanda harga merah jambu
- Memastikan bekalan barangan mencukupi di pasaran
- Menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentukan



Jika ada aduan,
sila laporkan ke KPDN



Imbas senarai penuh SHMMP
Hari Raya Puasa 2025



LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI DI SABAH

YB Senator Dr. Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah meluangkan masa melaksanakan sesi walkabout di Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) bertempat di perkarangan Bangunan Sabindo Plaza, Tawau Sabah pada 21 Mac 2025.

Dalam sesi walkabout itu, YB Timbalan Menteri turut berkesempatan beramah mesra bersama para peniaga dan pengunjung yang hadir ke Bazar Ramadan. Pelbagai pilihan Menu RAHMAH ditawarkan khusus buat pengunjung yang memberi manfaat kepada seluruh warga tempatan dalam meringankan kos sara hidup di musim Ramadan.

YB Timbalan Menteri juga turut mengadakan tinjauan pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI di Pasar Raya Gemilang serta mengadakan lawatan tapak di syarikat pembungkusan minyak masak Lian Soon Ei Sdn. Bhd. bagi melihat sendiri pembungkusan minyak masak paket bersubsidi serta memastikan bekalan minyak masak dapat memenuhi permintaan di kawasan setempat.





MAJLIS BERBUKA PUASA MADANI PERINGKAT NEGERI SABAH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) menjadi kementerian peneraju bagi sambutan Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Negeri Sabah pada 22 Mac 2025 bertempat di Padang Istiadat Daerah Tuaran, Sabah.

Program ini merupakan kerjasama strategik di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) bersama Kerajaan Negeri Sabah dan mendapat sambutan kehadiran yang cukup tinggi melibatkan lebih 10,000 tetamu.

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri turut meluangkan masa bagi menghadiri Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat negeri Sabah serta turut menyampaikan sumbangan Ramadan kepada anak yatim, asnaf dan fakir miskin, ibu tunggal wakil rumah kebajikan, masjid serta surau yang terpilih.



Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri turut mengadakan sesi walkabout ke Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang diadakan di hadapan Dewan Seri Sulaman, Tuaran, Sabah dan berkesempatan beramah mesra serta menyantuni para pengunjung yang hadir berbelanja.





PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) TUARAN, SABAH



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang dengan mengadakan sesi walkabout ke Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) pada 22 Mac 2025 bertempat di hadapan Dewan Seri Sulaman, Tuaran, Sabah.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam mengimbangi kos sara hidup rakyat khususnya dalam persediaan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025.

YB Menteri turut mengumumkan jualan Happy Hour melibatkan beberapa barangan keperluan harian seperti minyak masak botol 2kg, ayam segar, santan kelapa dan beberapa barangan keperluan harian yang lain serta menyampaikan hadiah cabutan bertuah buat pengunjung yang hadir ke Program Jualan RAHMAH MADANI ini.



Program Jualan RAHMAH MADANI ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada kalangan penduduk di kawasan sekitar yang tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan dengan pengurangan harga bermula 10% sehingga 30% lebih murah berbanding harga pasaran. Pelbagai barangan ditawarkan antaranya adalah ayam segar, minyak masak, beras, Telur, sabun pencuci pinggan, sabun pencuci baju dan banyak lagi barangan keperluan harian yang lain.



YB MENTERI SANTUNI PENIAGA DAN MASYARAKAT SETEMPAT DI BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR) KINARUT

Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Kinarut, Sabah diserikan dengan kehadiran YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang mengadakan tinjauan terhadap penjualan Menu RAHMAH oleh para peniaga pada 23 Mac 2025 bertempat di Tapak Bazar Ramadan Palm Condominium Showroom Gallery, Kinarut, Sabah.

YB Menteri turut berkesempatan menyantuni para peniaga dan pengunjung yang hadir ke bazar untuk membeli juadah berbuka puasa.

Bazar Ramadan RAHMAH semestinya memberikan manfaat besar kepada masyarakat, terutama dalam mengawal harga makanan dan menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai melalui e-wallet dan baucar.

BRR antara lain bertujuan menyediakan pilihan hidangan berbuka puasa pada harga lebih berpatutan, dengan tumpuan khas kepada Menu RAHMAH yang dijual pada harga tidak melebihi RM5.00.



HARI PERTAMA PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA 2025

Sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2025, sebanyak 26 jenis barangan telah diwartakan pada tahun ini berbanding 22 barangan pada SHMMP Raya Puasa Tahun 2024. Sebanyak empat (4) barangan telah ditambah dalam senarai di seluruh negara iaitu bawang merah, bawang kecil india, bawang merah kecil india (Ros), lobak merah dan santan.

YB Senator Dr. Hajah Fuziah Saleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2025 peringkat Negeri Sembilan dan melakukan sesi *walkabout* sempena hari pertama pelaksanaannya pada 24 Mac 2025 bertempat di Aeon Mall, Nilai, Negeri Sembilan.

SHMMP Raya Puasa ini berkuatkuasa bermula 24 Mac hingga 7 April 2025 selama 15 hari di seluruh negara.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPDN DAN **PROGRAM IHYA' RAMADAN 1446H / 2025**

Majlis Perhimpunan Bulanan dan Program Ihya' Ramadan 1446H yang telah dianjurkan pada 25 Mac 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, KPDN Putrajaya telah diserikan dengan kehadiran YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

YB Menteri turut berbesar hati dengan menyampaikan sumbangan wakalah zakat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berupa 34 unit mesin dialisis bernilai RM1.3 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur).



SSM turut menyampaikan sumbangan wakalah zakat korporat berjumlah RM15,000 kepada Masjid Al-Islamiah Kg Lindungan, Surau Al Taqwa dan Pusat Tahfiz Darul Haafizhiin bagi tujuan menaik taraf infrastruktur dan fasiliti. Selain itu, sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM17,900 turut diberikan kepada 44 penerima dalam kalangan anak-anak warga KPDN yang merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU).



SESI PENYERAHAN SUMBANGAN DANA KORPORAT TNG e-WALLET MANGSA BANJIR DI JOHOR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menerima sumbangan dana sebanyak RM21,000.00 daripada TNG Digital Sdn. Bhd. melalui YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN bagi tujuan bantuan pasca banjir di negeri Johor menerusi Program Food Bank Malaysia (PFBM).

Sumbangan ini merupakan hasil kutipan melalui platform Touch 'n Go e-Wallet bermula 18 Disember 2024, hasil kerjasama strategik antara TNG Digital dan KPDN menerusi Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI), sebagai usaha meringankan beban mangsa banjir yang terkesan.

Inisiatif ini turut menyasarkan lebih 28 juta pengguna e-Wallet di seluruh negara sebagai salah satu bentuk solidariti rakyat Malaysia dalam membantu rakyat Malaysia yang terjejas akibat bencana alam.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SEMINAR “FOCUS ON WOMEN” NAVIGATING INNOVATION & CREATIVITY

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menganjurkan seminar **“Focus on Women: Navigating Innovation and Creativity”** dalam mengiktiraf peranan besar wanita sebagai penggerak inovasi negara.

YB Senator Dr. Hajah Fuziah Saleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Seminar **“Focus on Women: Navigating Innovation and Creativity”** pada 15 April 2025 bertempat di Menara MyIPO, Petaling Jaya, Selangor.

Seminar anjuran MyIPO dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) ini telah menghimpunkan lebih 150 penyelidik, usahawan dan pencipta bagi meraikan keunggulan daya cipta wanita dalam ekosistem inovasi landskap harta intelek negara serta sebagai usaha memperkasa wanita melalui kefahaman terhadap peranan harta intelek sebagai aset strategik perniagaan.





SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KPDN KE-53



Bahagian Penguat Kuasa KPDN telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena sambutan Hari Penguat Kuasa yang ke-53 pada 17 April 2025 bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Majlis ini diadakan bagi memperingati jasa dan pengorbanan warga Penguat Kuasa KPDN yang telah kembali ke Rahmatullah, di samping memohon keberkatan agar seluruh warga KPDN khususnya Bahagian Penguat Kuasa KPDN agar terus diberi kecekalan, ketabahan dan keikhlasan dalam menjalankan amanah serta tanggungjawab yang besar kepada negara.

Sementara itu, Majlis Sambutan Hari Penguat Kuasa KPDN ke-53 telah diadakan pada 18 April 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPDN, Putrajaya. Bertemakan "Komitè Mendepani Cabaran", tema ini dipilih sebagai cerminan kepada semangat jitu warga penguat kuasa KPDN dalam mendepani pelbagai cabaran berkaitan perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan yang semakin kompleks dan mencabar.

Jamuan Hari Raya Aidilfitri Penguat Kuasa turut dianjurkan sebagai simbol kesyukuran dan pengukuhan silaturahim antara warga kerja di KPDN yang dihadiri oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara hidup.



PROGRAM ADVOKASI KEPENGGUNAAN DAN HARI TERBUKA KPDN 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Hari Terbuka KPDN pada 19 April 2025 bertempat di SMK Pengalat, Papar, Sabah.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa turun padang bagi melakukan sesi *walkabout* ke Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) dimana pelbagai barangan keperluan harian ditawarkan dengan pengurangan harga bermula 10 peratus sehingga 30 peratus dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung. YB Menteri turut berkesempatan mengumumkan jualan *happy hour* bagi beberapa barangan keperluan harian terpilih buat pengunjung serta turut menyempurnakan penyampaian sumbangan Bakul RAHMAH dan bantuan wang tunai CSR kepada 80 orang penerima.





MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KPDN TAHUN 2025

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KPDN Tahun 2025 pada 23 April 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, KPDN Putrajaya.

Majlis diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang meluangkan masa menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran KPDN.

Kehadiran YAB Perdana Menteri disambut oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali dan YB Senator Dr. Hajah Fuziah Salleh, Menteri dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang turut hadir memeriahkan majlis bersama warga kerja KPDN serta berkesempatan melawat reruai juadah Aidilfitri yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Reruai Paling Kreatif.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada warga KPDN yang terjejas akibat bencana alam dan kemalangan.





MAJLIS PERASMIAN HARI INTELEK NEGARA 2025 & MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MyIPO

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menganjurkan Hari Intelek Negara 2025 yang dirasmikan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 24 April 2025 bertempat di Menara MyIPO, Petaling Jaya, Selangor.

Tema **“Muzik Kita, Milik Kita”** telah dipilih pada tahun ini bagi mengangkat kepentingan pendaftaran hak cipta dalam industri muzik tempatan. Rasional kepada tema ini bertujuan menggalakkan lebih ramai penggiat seni untuk mendaftarkan karya muzik mereka secara rasmi sebagai langkah melindungi hak dan hasil ciptaan.

YB Menteri turut meluangkan masa memeriahkan Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran MyIPO yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBrs. Tuan Kamal Kormin, Ketua Pengarah MyIPO, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBrs. Tuan Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC serta pegawai-pegawai kanan Kementerian & Agensi.



KAMI BERTINDAK!



1 AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN NEGERI PERLIS

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Perlis telah melaksanakan Ops Pantau, Ops Manis dan pemeriksaan di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan oleh KPDN pada 4 Mac 2025 yang lalu di sekitar Beseri dan Seriab, Perlis.

Hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan, didapati peniaga mematuhi penandaan harga bagi barangan jualan yang dipamerkan dengan jelas dan tidak mengelirukan pengguna. Alat timbang dan alat sukat yang digunakan oleh peniaga juga adalah dalam tempoh tentusah untuk tujuan perdagangan.

Pemeriksaan bekalan bagi barangan kawalan iaitu minyak masak, gula pasir, tepung gandum ada di semua premis yang diperiksa. Harga jualan oleh peniaga seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Di bawah Penentuan Harga Maksimum (PHM) telur ayam, kesemua premis yang diperiksa mematuhi harga kawalan yang ditetapkan serta mematuhi perundangan dibawah skim yang dikuatkuasakan. Pemeriksaan juga dijalankan ke atas perucit-perucit yang menjual Gas Petroleum Cecair (LPG) dan mendapati stok bekalan tidak menghadapi masalah di pasaran & dijual mengikut harga kawalan yang ditetapkan.

Edaran pamflet dan *sticker* KITA GEMPUR telah dilakukan di semua premis terlibat pemeriksaan. Selain itu, advokasi perundangan yang dikuatkuasakan turut diberikan kepada para peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang & peraturan-peraturan yang sedang dikuatkuasakan oleh kementerian.



KAMI BERTINDAK!



2 PEMERIKSAAN TANDA HARGA DAN ALAT TIMBANG SUKAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Cawangan Parit Buntar, Perak telah melaksanakan pemeriksaan premis ke atas tanda harga dan alat timbang di premis perniagaan sekitar Pekan Alor Pongsu, Perak pada 4 April 2025.

Operasi ini bertujuan memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan, khususnya berkaitan penandaan harga yang jelas dan ketepatan alat timbang yang digunakan.

KPDN cawangan Parit Buntar, Perak komited dalam memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran yang menjejaskan kepentingan pengguna. Peniaga diberi peringatan supaya sentiasa mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan oleh KPDN.





SOROTAN LENSA





KPDN





SOROTAN LENSA





KPDN





BAZAR RAMADAN RAHMAH

Bantu rakyat mengurangkan beban
kos sara hidup



TERBITAN:



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62623
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

f X @ KPDN